



**L. KATHAN PILLAI**  
**(24/02/1922 – 26/01/2009)**

## **JASA DAN PENGORBANAN**

*Oleh: Mohd Ghazali Tocheh*

TITIAN hidupnya sehingga sekarang persis sebatang lilin yang menyala untuk menerangi orang lain. Rentetan riwayatnya penuh dengan perjuangan dan pengorbanan. Sehingga ke detik ini pun dia masih lagi memberi khidmat baktinya kepada komuniti senasib. Kejayaan orang-orang buta di bidang pendidikan akademik di awal tahun-tahun 1950an adalah hasil sumbangan dan tenaganya bersama dua orang lagi rakan senasib seiringan. Pengorbanannya kepada ahli keluarganya masih lagi berterusan sehingga sekarang. Walaupun sudah di usia 80an tahun, dia masih lagi aktif dan bersedia berkorban masa dan tenaga demi mereka yang memerlukan khidmatnya.

Kedua ibu dan bapanya berasal dari Kampung Gajah Berang, Melaka. Mereka berpindah ke Pelabuhan Klang (dahulu Port Swettenham) sebelum pecahnya Perang Dunia Kedua lagi semata-mata kerana penghidupan. Di Pelabuhan Klang mereka tinggal di Jalan Teluk Gadong, di rumah yang dibina bapanya sendiri. Bapanya bekerja di salah sebuah syarikat di Pelabuhan Klang dan ibunya pula suri rumahtangga sepenuh masa.

L. Kathan Pillai dilahirkan pada 10 April 1920 di Pelabuhan Klang, Selangor. Dia anak ketujuh daripada 11 orang adik-beradik. Seingatnya selama dididik dan dibesarkan keluarga, dia sememangnya sudah sedia ada mengalami masalah mata sejak kecil lagi. Kalau di waktu siang kuasa penglihatannya sama seperti mereka yang normal pancaindera, di waktu malam pula penglihatannya langsung tidak bersinar melainkan ada cahaya yang menerangi kegelapan di sekelilingnya. Walau bagaimanapun bila umurnya sudah 7 tahun, dia dihantar keluarga belajar di Anglo Chinese School, Pelabuhan Klang.

Setelah bapanya bersara daripada pekerjaan pada tahun 1929, mereka sekeluarga berpindah balik semula ke Kampung Gajah Berang, Melaka. Dia yang sedang belajar di Anglo Chinese School di dalam Primary II turut berpindah belajar ke Tengkera English School. Pada tahun 1932, mereka sekeluarga datang semula ke Pelabuhan Klang dan tinggal di Jalan Samy. Dia pula menyambung pelajarannya di dalam Primary IV hingga VII di sebuah sekolah swasta di situ. Sebelum sempat menamatkan pelajaran di Primary VII, bapanya telah meninggal dunia. Walaupun sudah ketiadaan bapa, mereka terus tinggal menetap di Jalan Samy, Pelabuhan Klang.

Selepas menamatkan pelajaran di Primary VII pada awal tahun 1930an di ketika umurnya tiga belas - empat belas tahun, dia menumpukan sepenuh tenaganya membantu ibu. Setelah ketiadaan bapa, ibu menjadi tonggak penghidupan mereka sekeluarga. Ibu membuat dan menyediakan berbagai jenis kuih untuk jualan setiap hari. Kuih-muih yang sudah disediakan ibu, dialah yang menjajakannya ke kawasan kediaman dan kampung-kampung berdekatan.

Hasilnya diserahkan sepenuhnya pada ibu setiap kali dia balik daripada berjaya. Walaupun harga sekeping kuih hanya satu sen, dengan wang itulah juga ibu gunakan untuk menyara kehidupan mereka seisi rumah.

Apabila umurnya sudah melewati 15 tahun, tugasnya membantu ibu diserahkannya pula pada adik-adik. Dia pula berusaha mencari pekerjaan untuk menampung keperluan dan perbelanjaan sendiri. Kerana sikapnya tidak memilih kerja, sebarang pekerjaan yang mendatangkan wang dan halal di sisi undang-undang akan dijayakannya dengan sempurna. Dia pernah mengupas kelapa hingga 1,000 biji dengan upah RM10.00 dan mengambil 2 - 3 hari untuk menghabiskannya di ladang milik seorang peniaga kelapa. Walaupun tapak tangannya bengkak dan jari-jemarinya pecah dan luka-luka, dia tetap cekal dan sabar dengan pekerjaannya. Setiap pendapatan yang diraih digunakan untuk memenuhi keperluan sendiri seperti pakaian, kasut dan lain-lain.

Apabila Jepun menyerang Malaya berikutan pecahnya Perang Dunia Kedua ketika umurnya 20 tahun, seluruh kawasan Pelabuhan Klang dihujani peluru dan bom. Mendapat tempat tinggal mereka sudah tidak selamat lagi, dia dan keluarga seramai 12 orang segera berpindah ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur mereka tinggal menyewa bilik di Kampung Maarof, Jalan Bangsar. Untuk maksud penghidupan, dia dan adik-adik membantu ibu membuat dan menyediakan berbagai jenis kuih untuk jualan. Ubi kayu, keledek dan keladi ibu gunakan sepenuhnya untuk membuat dan menyediakan berbagai jenis kuih dan kuih-kuih itu dijadanya ke kawasan kediaman berdekatan. Di samping menjaja kuih, dia juga turut menjual pisang, bawang-bawang, ikan kering dan lain-lain. Bahan-bahan itu dibelinya daripada pemandu dan juru api (Fireman) kereta api yang berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Tanjung Malim.

Belum setahun Jepun menguasai Malaya, hidupnya dan keluarga sudah tenat dilanda derita dan sengsara. Bukan mata pencarian sehari-hari sudah terputus, bekalan makanan dan ubat-ubatan turut berkurangan dan sukar diperolehi. Ekoran desakan hidup, dia dan keluarga

berpindah tempat tinggal ke Kampung L. Y. Swee, Jalan Bangsar. Setelah berpindah ke situ, corak kehidupan yang dilaluinya bersama keluarga tetap serupa, malahan bertambah tersepit dan terseksa. Walaupun pihak Jepun ada menyediakan bekalan keperluan harian seperti beras, minyak masak, gula, ikan dan lain-lain sebulan sekali di bawah catuan bekalan makanan, hakikatnya indah khabar dari rupa. Setiap kali hendak mendapatkan bekalan, jarang sekali dia balik dengan barang-barang yang diperlukan.

Disebabkan kekurangan makanan dan ubat-ubatan, ramai orang jatuh sakit dan mati bahana diserang malaria. Penghuni-penghuni Kampung L. Y. Swee turut tidak terlepas daripada serangan wabak penyakit tersebut. Dia dan keluarganya turut menerima padah serupa. Kematian di kalangan penghuni-penghuni Kampung L. Y. Swee berlaku saban hari. Salah seorang adik lelaki dan kakak sulungnya bersama suami turut maut selepas diserang malaria berminggu-minggu lamanya. Dia dan ahli keluarga yang tinggal 9 orang walaupun terselamat daripada bahaya maut, mereka turut mengalami serangan demam malaria hingga berbulan-bulan lamanya. Setelah pulih semula, nyata padanya keupayaan penglihatannya terjejas teruk. Walaupun di waktu malam segala kegiatannya terkunci sama sekali, dengan penglihatannya yang amat terhad itu dia masih boleh bergerak sendirian ke mana sahaja dihajatinya di siang hari.

Sebilangan besar kematian yang berlaku di kalangan rakyat jelata dikatakan berpunca daripada memakan nasi daripada beras kapur yang ditanak. Beras yang diedarkan pihak Jepun di bawah catuan bekalan makanan kepada orang ramai diperolehi daripada stor-stor simpanan rahsia pihak Inggeris untuk menentukan mereka tidak putus bekalan semasa perang. Untuk menjaminkan mutu dan ketahanannya terus berkekalan, pihak Inggeris telah mencampurkan beras-beras yang disimpan itu dengan sejenis kapur khas.

Setelah Inggeris tewas dan Jepun berkuasa di Malaya, beras-beras itulah yang dikeluarkan pihak Jepun daripada simpanannya dan diedarkan kepada orang ramai di bawah catuan bekalan makanan. Nasi yang dimakan hasil daripada beras yang ditanak itu yang mereka

istilahkan sebagai beras kapur. Beras kapur sememangnya tidak selamat untuk dimakan. Walau bagaimanapun, mereka tiada pilihan selain daripada memakannya dengan mencuci beras itu sebersih-bersihnya sebelum ditanak.

Berikut 3 ahli keluarganya telah meninggal dunia di Kampung L. Y. Swee, mereka sekeluarga yang berbaki 9 orang lagi segera berpindah ke Batu 3, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Mereka tinggal menumpang di rumah ibu saudaranya yang tinggal menetap di situ. Setelah berpindah ke situ pun mereka masih lagi tidak terlepas daripada serangan wabak penyakit malaria. Selama tinggal di kediaman ibu saudaranya, dia dan keluarga terus menerima bekalan di bawah skim catuan bekalan makanan yang dipusatkan di Jalan Bangsar. Untuk ke situ dari Batu 3, Jalan Klang lama, dia terpaksa berjalan kaki membela jalan kereta api. Kerap benar dia gagal membawa balik barang-barang apabila petugas di tempat dia mengutipnya memberitahu bekalan sudah kehabisan.

Sewaktu Jepun hampir-hampir menyerah kalah di Malaya pada tahun 1945 ketika umurnya 25 tahun, dia dan keluarga berpindah lagi ke sebuah kampung jauh di pedalaman di belakang pusat janakuasa elektrik (dahulu menjana kuasa wap), Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Daripada 9 orang sekeluarga sewaktu datang menumpang di kediaman ibu saudaranya di Batu 3, Jalan Klang Lama, hanya 7 orang sekeluarga sahaja yang berpindah ke situ. Dua (2) anak saudaranya iaitu anak-anak mendiang kakaknya yang di bawah perlindungan mereka turut maut sesudah berpindah ke kediaman ibu saudaranya bahana diserang malaria.

Di tempat tinggal mereka yang baru ini, dia bekerja menjaga lembu-lembu susu kepunyaan seorang peniaga susu lembu yang tinggal menetap di situ. Baru beberapa bulan mereka tinggal di situ, dia dan keluarga menerima berita bahawa Jepun sudah menyerah kalah dan bakal meninggalkan Malaya. Berikutan itu dia dan keluarga segera berpindah balik ke Kampung L. Y. Swee. Pada mula-mulanya mereka dan beberapa keluarga lain yang tiba ke situ mengambil alih dan tinggal di rumah-rumah yang dikosongkan tentera-tentera Jepun. Mendapati mereka yang tinggal di situ memecah dan merobohkan rumah-rumah yang masing-masing diami,

dia dan keluarganya turut bertindak serupa. Mana-mana bahan binaan yang boleh digunakan, diambil dan dikumpul untuk mereka membina kediaman baru jauh di pedalaman belakang Kampung L. Y. Swee.

Setelah beberapa tahun menetap di situ, pada tahun 1949 ketika umurnya 29 tahun, dia didatangi seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat (PKM) berbangsa Inggeris bernama D. R. Bridges (Major Bridges). Dia difahamkan bahawa PKM itu dahulunya seorang tentera British berpangkat Major yang berkhidmat di Burma semasa Perang Dunia Kedua. Major Bridges mendapat kecederaan parah hingga buta kedua-dua matanya ekoran pasukannya terbabit di dalam satu pertempuran sengit dengan pihak musuh. Berikutan insiden itu Major Bridges diterbangkan balik ke United Kingdom untuk mendapat rawatan segera. Setelah pulih semula daripada kecederaannya, Major Bridges diberi latihan pemulihan dan kemahiran di institusi orang buta di sana. Selepas menamatkan latihan dan Perang Dunia Kedua diisyiharkan sudah berakhir, Major Bridges datang semula ke Malaya dan berkhidmat sebagai PKM di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jalan Batu, Kuala Lumpur.

Sesudah British berkuasa semula di Malaya setelah Jepun menyerah kalah, kesemua jabatan kerajaan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jalan Batu, Kuala Lumpur kembali beroperasi. Di dalam tahun 1947, dia telah pergi mendaftar untuk memohon bantuan JKM atas alasan kemiskinan dan keupayaan penglihatannya amat terhad (cacat penglihatan). Permohonannya diluluskan JKM dan dia diperuntukkan RM10.00 sebulan dan pada setiap bulan jugalah dia pergi ke JKM untuk menerima bantuan tersebut. Menerusi daftar nama mereka yang menerima bantuan itulah yang menyebabkan Major Bridges datang ke rumahnya untuk membantunya mendapatkan pekerjaan.

Kehadiran Major Bridges yang sanggup meredah kesukaran dan kesusahan pergerakan untuk sampai ke kediamannya sekeluarga amat-amat dihargainya. Major Bridges membuka peluang seluas-luasnya untuk dia memperbaiki hidup sekeluarga dan hari muka. Peluang itu

tidak dilepaskannya dan dia berikrar serta berazam untuk merebut dan menguasainya secepat mungkin. Di dalam pertemuan itu, dia dibekalkan Major Bridges dengan bahan-bahan dan panduan belajar Braille dan juga alat tulis Braille stainsby dan kertas-kertas Braille untuk menulis. Major Bridges memintanya supaya dia belajar sendiri mengenal, menulis dan membaca Braille. Sebelum balik dan sesudah dia diajar dan dibimbing oleh Major Bridges mengenai kaedah-kaedah tertentu mengendalikan alat tulis Braille stainsby, mengenal, menulis dan membaca huruf-huruf Braille, dia mula belajar sendiri bersungguh-sungguh. Sesekali Major Bridges datang melawatnya untuk mengetahui sejauh mana kemajuan dan perkembangan pelajaran dan pembelajarannya. Setiap kali dia dikunjungi, Major Bridges pasti memberikannya input-input terbaru bagi meningkatkan kemahirannya menulis dan membaca Braille dengan tepat dan cekap. Setelah lebih sebulan berlalu, dia sudah cekap menulis dan membaca Braille Gred I. Selepas 3 bulan belajar dengan tekun dan dedikasi, dia sudah boleh menyediakan rencana menggunakan Braille Gred II. Kalau Braille Gred I digunakan di dalam penulisan, dia mestilah menulis setiap huruf yang digunakan mengikut ejaan. Namun kalau Braille Gred II dipraktikkan, dia boleh menggunakan singkatan-singkatan yang dipiawaikan di dalam penulisan. Di sepanjang pembelajarannya, dia terpaksalah memahirkan jari-jemarinya mengenal, menulis dan membaca Braille disebabkan daya penglihatannya sudah semakin buruk.

Setelah kebolehan dan kecekapannya teruji, pada Julai 1951 ketika umurnya 31 tahun Major Bridges menawar dan mengambilnya berkhidmat sebagai Jurutaip Braille (Braillis) di Bahagian Kebajikan Dan Perkhidmatan Untuk Orang-orang Buta, JKM Kuala Lumpur. Tugasnya memindahkan buku-buku pelajaran dan dokumen-dokumen terpilih daripada cetakan biasa kepada cetakan Braille dengan bantuan Pembaca (Readers). Buku-buku pelajaran Braille yang disediakan itu adalah untuk memenuhi keperluan pelajaran dan rujukan pelajar-pelajar buta di seluruh negara. Ketika itu institusi pendidikan rendah iaitu Sekolah Puteri Elizabeth, Johor Bahru dan St. Nicholas Home, Pulau Pinang sedang rancak beroperasi memberi pelajaran pada murid-murid buta di peringkat rendah. Kelas-kelas khas di bawah Program Percantuman (Intergrated Programme) yang diwujudkan di sekolah-sekolah menengah terpilih khusus

mendidik pelajar-pelajar buta di peringkat menengah. Kesemua murid dan pelajar itu memerlukan buku-buku pelajaran, pembelajaran dan rujukan yang giat diusaha dan disediakan Bahagian Kebajikan dan Perkhidmatan Untuk Orang-orang Buta JKM Kuala Lumpur di mana dia salah seorang petugasnya. Di samping tugasnya yang utama itu, dia juga menjalankan peranan sebagai Telefonis (Operator Telefon) di jabatannya.

Beberapa bulan selepas dia berkhidmat di situ, Mary Poon dan Elizabeth Hoe dari St. Nicholas Home, Pulau Pinang, rakan-rakan senasibnya telah diambil berkhidmat menjalankan kerja-kerja serupa. Di waktu mereka giat menjalankan tugas masing-masing, Major Bridges dengan pegawai-pegawai JKM lain sedang rancak merancang menubuahkan Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaya (Malayan Association For The Blind - MAB). Bukan dari segi kebenaran penubuhannya sahaja, proses pengambilan tanah bagi dijadikan tapak bangunan turut dipohon dan telah diluluskan Kerajaan. Batu asas untuk majlis pelancaran penubuhannya turut ditempatkan di satu lokasi strategik yang bakal disempurnakan Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, Sir General Templer yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu terpaksa mengambil alih apabila Sir Henry Gurney meninggal dunia akibat kemalangan udara yang membabitkannya sebelum beliau sempat menyempurnakannya. Dia, Mary Poon dan Elizabeth Hoe bersama-sama ramai lagi pegawai dan kakitangan JKM lain turut mengikuti majlis pelancaran bersejarah itu yang bakal berfungsi memberikan perkhidmatan pada orang-orang buta di seluruh negara sehingga sekarang. Batu Asas itu masih kekal di tempatnya yang asal di pekarangan bangunan MAB sehingga kini. Di dalam tempoh tak sampai setahun, bangunan yang dikhususkan untuk MAB siap dibina dan Major Bridges merupakan individu pertama menjadi pegawai tertinggi menerajui MAB.

Menjelang pertengahan tahun 1950an selepas beberapa bulan Major Bridges meninggalkan kerjayanya di JKM dan menjadi pegawai tertinggi mengetuai MAB, dia, Mary

Poon dan Elizabeth Hoe telah bertukar tempat kerja ke Kementerian Pendidikan (Kementerian Pelajaran pada masa itu) dan mereka ditempatkan di Bahagian Braille. Dia, Mary Poon dan Elizabeth Hoe pada tahun 1960 berpindah tempat kerja lagi apabila mereka dipinjamkan Kementerian Pendidikan ke MAB di mana gaji mereka ditampung sepenuhnya oleh kerajaan. Di MAB mereka ditempatkan di Unit Braille dan tugas mereka lebih sengit dan mencabar ditambah lagi murid dan pelajar buta semakin ramai memerlukan buku-buku pelajaran dan rujukan.

Sesudah bersara daripada perkhidmatan pada tahun 1975, dia melibatkan diri secara sepenuh masa dengan Pertubuhan Orang-orang Buta Semenanjung Malaysia (Society of Blind West Malaysia - SBWM). Sebenarnya sebelum bersara lagi pun dia sudah bergiat di dalam Blind Community Club (BCC) yang kemudiannya didaftarkan dengan nama SBWM. Di bawah pertubuhan ini dia pernah menjadi Naib Pengurus (Vice Chairman) dan Ahli Jawatankuasa biasa. Antara perkhidmatan yang pernah diberikannya pada SBWM termasuklah memelihara rekod-rekod dan fail-fail kerja serta mengawal keselamatan dan kebersihan bangunan pertubuhan. Dia juga merupakan Pengurus ulung kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kuala Lumpur/Selangor setelah didaftarkan secara rasmi. Sehingga sekarang dia masih lagi menjadi ahli biasa pada pertubuhan tersebut dan aktif di dalam kegiatan-kegiatan tertentu sahaja. Dia juga menjadi Pengurus, Blind Elderly Club, MAB sejak tahun 1999 sehingga sekarang.

Selepas beberapa lama berkhidmat di JKM, dia telah diberikan kemudahan pinjaman perumahan. Pada tahun 1957 dengan memanfaatkan kemudahan tersebut, dia membeli seunit rumah di Seksyen 18, Jalan Kajang, Petaling Jaya. Disebabkan adik-adiknya bekerja belaka dan masing-masing sudah mempunyai keluarga sendiri, hanya dia dan ibu sahaja yang berpindah ke rumah yang dibelinya dari kediaman mereka di Kampung L. Y. Swee, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Pada penghujung tahun 1950an berikutnya kematian adik perempuannya yang tinggal di Melaka, kesemua anak mendiang adiknya itu (anak saudara) seramai 4 orang telah datang berpindah dan tinggal menetap bersama-sama. Bukan makan-minum, pakaian dan lain-lain

keperluan, bahkan keperluan pelajaran dan pembelajaran mereka juga turut dibiayainya sepenuhnya.

Berikutnya ibunya meninggal dunia pada tahun 1982, dia telah menjual rumahnya di Seksyen 18, Jalan Kajang, Petaling Jaya dan membeli rumah baru di SS15/5C, Subang Jaya. Kediamannya di Subang Jaya juga turut dijualnya pada tahun 2003 dan wangnya digunakan untuk membayai pelajaran cucu-cucu saudaranya yang sedang rancak mengikuti pengajian masing-masing di kolej dan universiti. Di samping tinggal menyewa di salah sebuah premis kediaman di kawasan yang sama, anak saudaranya yang jadi pelindung hidupnya sekarang sedang mencari-cari kediaman untuk dibeli.

Anak-anak saudaranya yang dipeliharanya sejak kecil lagi, semuanya sudah bekerja dan berkeluarga sendiri. Buat masa ini dia tinggal di premis salah seorang anak saudaranya. Bukan anak saudara tempatnya menumpang hidup sahaja, malahan mereka adik-beradik sentiasa menyayangi dan pandai berterima kasih padanya. Bukan makan-minum dan pakai-patutnya sahaja, kesihatannya dan keceriaan suasana hidupnya juga sentiasa di dalam kawalan dan perhatian mereka.

Sehingga sekarang dia masih belum beristeri lagi. Dia pernah berangan-angan untuk mendirikan rumah tangga sewaktu dia di usia 20an. Namun dia tidak sampai hati meninggalkan keluarga pada masa itu apatah lagi sesudah bapanya meninggal dunia. Dia bercita-cita besar. Dia mahu melihat semua ahli keluarganya berjaya, hidup ceria dan bahagia. Untuk itu dia sedia berkorban apa sahaja demi mereka. Walaupun kesemua harapannya sudah terkabul, dia tetap tidak menyesal biarpun hidupnya membujang sampai sekarang.